

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

B40 turut sumbang kepada pertumbuhan ekonomi

M40, B40 turut sumbang kepada pertumbuhan ekonomi



BICARA
BISNES

MEOR SHAHROM
ZAINUDDIN

MENURUT Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), komponen utama dalam pengiraan angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan.

Daripada tiga komponen itu, antara yang penting ialah perbelanjaan. Ini melibatkan kaedah perbelanjaan (*expenditure approach*) secara langsung meliputi perbelanjaan isi rumah tangga, pelaburan kasar oleh sektor industri, perbelanjaan awam oleh kerajaan serta perangkaan data eksport dan import melibatkan sektor luar negeri.

Fakta menarik yang boleh kita perhatikan ialah perbelanjaan isi rumah pastinya sumbangan terbesar ini adalah daripada golongan pendapatan rendah (B40) dan pendapatan sederhana (M40). Maka tidak dapat dinafikah golongan ini turut memberi sumbangan signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara sehingga mencecah lebih 14 peratus pada suku

ketiga 2022.

Hakikatnya, golongan B40 dan M40 masih berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi walaupun berdepan kenaikan harga barang, berdepan kenaikan pinjaman perumahan dari pinjaman peribadi, berdepan kenaikan insurans kenderaan dan pelbagai kenaikan dalam erti kata lain berdepan kenaikan kos sara hidup yang semakin mencabar.

Sehubungan itu, dalam konteks ini maka pertumbuhan ekonomi yang mampan ini perlulah dikongsi kembali kepada kumpulan B40 dan M40.

Golongan ini merupakan golongan mudah terjejas, terutamanya dalam kitaran turun-naik persekitaran ekonomi dalam dan luar negeri.

Sumbangan mereka kepada pembangunan negara tidak dinafikan dan kerajaan perlu lakukan pendekatan lebih proaktif iaitu membantu terutama melalui peningkatan pendapatan seperti adakan lebih banyak bengkel kemahiran dan peluang perniagaan.

Bagi mereka yang tinggal di luar bandar terutama pendalam di Sabah dan Sarawak. Kerajaan perlu terus membantu mereka dengan menyediakan bantuan kebajikan, disamping memastikan mereka juga diberi peluang untuk menambah pendapatan melalui program seperti mi-

kro kredit.

Jika usaha menggembung tenaga daripada mereka ini dapat digandakan, pastinya ekonomi domestik dapat dijana lebih baik sekali gus menyumbang bersama kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

Intipati dasar pertumbuhan ekonomi negara seperti yang diketahui umum iaitu prinsip keterangkuman dan keadilan sosial. Ia bertujuan membela kepentingan setiap golongan masyarakat dan memastikan tidak ada kumpulan yang akan terpinggir daripada lonjakkan ekonomi ini.

Jadi pengukuran ekonomi M40 dan B40 perlu diberi perhatian agar kemapanan ekonomi domestik dapat disemai sekali gus kebajikan mereka akan lebih terpelihara.

Kekuahan perbelanjaan golongan ini pastinya menjadi penampang ekonomi negara jika berdepan kelesehan ekonomi global yang dikatakan melanda tahun hadapan.

Sekali lagi, negara dapat mengharungi badai ekonomi global bersama golongan B40 dan M40, se-pertimana kita mampu harungi krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998 dan krisis kitaran ekonomi pada 2008.

*Meor Shahrom ialah Ketua Unit Bisnes